

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 28 February 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2025 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus aims to maximise medium-to-long term returns by investing in Shariah-compliant equities, sukuk and Islamic money market instruments through Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk, and in any other Takafulink Funds that may become available in the future.

Takafulink Dana Urus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan dalam jangka masa sederhana ke panjang dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah, sukuk dan instrumen pasaran wang Islam melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Sukuk, dan dalam mana-mana Dana Takafulink lain yang mungkin tersedia pada masa akan datang.


Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM661,202,370.12
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.34586

How the Fund has performed / Prestasi Dana

Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana


Takafulink Dana Urus Vs. 80% FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index (FBMS) + 20% Maybank 12-month Islamic Fixed Deposit-i rate



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-0.87%	-2.85%	-3.51%	2.41%	3.26%	17.58%	134.59%
Benchmark / Penanda Aras	-2.18%	-4.02%	-5.47%	-0.17%	-2.86%	5.24%	62.33%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	1.31%	1.17%	1.96%	2.58%	6.12%	12.34%	72.26%

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	78.64
2 Takafulink Dana Sukuk	21.25
3 Cash, Deposits & Others	0.11

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	9.89
2 Gamuda Berhad	6.99
3 IHH Healthcare Berhad	6.54
4 Telekom Malaysia Berhad	5.77
5 PETRONAS Gas Berhad	4.76
6 MISC Berhad	4.74
7 SD Guthrie Berhad	4.40
8 TIME dotCom Berhad	3.40
9 Press Metal Aluminium Holdings Berhad	2.77
10 Kuala Lumpur Kepong Berhad	2.55

Takafulink Dana Sukuk Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Infracap Resources Sdn Bhd	3.26
2 Sarawak Energy Berhad	2.99
3 DanaInfra Nasional Berhad	2.64
4 AEON Credit Service (M) Sdn Bhd	2.39
5 YTL Power International Berhad	1.96
6 Danum Capital Berhad	1.92
7 AmIslamic Bank Berhad	1.90
8 Edra Energy Sdn Bhd	1.83
9 PONS Capital Berhad	1.82
10 Pengurusan Air SPV Berhad	1.78

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 28 February 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2025 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equity Market Review

Malaysian Shariah equities for February saw another month of correction. Regional markets were generally weak, with the exception of the positive performance in China and Hong Kong, spurred by the launch of Chinese startup Deepseek end January 2025 and saw a sell-off in stocks related to the AI trade. February was the results reporting month, where a majority of companies reported their 2024 full year earnings. Overall, the plantation, banking and utilities companies reported earnings either in line or above. Whilst the disappointments came from the consumer, technology, gloves and oil and gas sectors. During the month, foreign investors were net sellers of equities yet again (the fifth consecutive month) of RM2.2bil, and year to date foreign outflow of RM5.33bil. The FBM EMAS Shariah Index closed the month at 11,411.79, down 2.77% MoM. The FBM Shariah Small Cap Index declined 7.0% for the month and underperformed the FBM EMAS Shariah Index.

Market Outlook

Just six weeks into his second term, US President Trump has swiftly moved to fulfill his election promises, and his impulsive style has already introduced volatility to global markets. Despite the uncertainties surrounding a Trump presidency, we believe Malaysia's macro fundamentals remain resilient. Trump's policies on global growth and retaliatory tariff trade wars will undoubtedly impact Malaysia's economic growth. Foreign direct investment ("FDI") into Malaysia continues to be strong, evidenced by increased construction activities and the acquisition of industrial properties by investors. Tourism is also on the rise, contributing positively to general consumption. Additionally, consumption is likely to get a boost from the civil servants' pay hike in December 2024 and the 13% minimum wage increase effective February 1 2025. We remain constructive on Malaysia, as the domestic market is flush with liquidity. Any market corrections will provide opportunities to accumulate fundamentally strong stocks at more attractive valuations. However, we anticipate market volatility to be the norm under a Trump presidency, and we need to remain vigilant and be prepared for sudden changes.

Fixed Income Market Review

Local government fixed income market continued to be supported with marginal movements amid the low US Treasuries ("UST") yield levels in February. The Malaysian Government Securities ("MGS") yield curve steepened mildly with the 3-year to 10-year moving lower by 1 to 3 bps, apart from the 20-year which closed marginally higher by 1bp. Meanwhile, the 15-year MGS remained unchanged, and the 30-year adjusted lower by 1bp towards for the month. The 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- and 30-year MGS closed at 3.50% (-2bps), 3.63% (-3bps), 3.75% (-1bps), 3.81% (-1bps), 3.98% (0bps), 4.07% (+1bp) and 4.20% (-1bp), respectively in February. On valuations, 5-year and 7-year appear fair relative to other parts of the curve with spreads of 72bps and 95bps respectively which are tighter than the 5-year historical mean spreads. The strong demand on the belly will exert pressure on the spreads to remain narrow given the limited supply this year. During the month, credit spreads narrowed for GGs, AAA and AA segments for most tenors, except for the shorter tenor particularly the 3-year which stayed unchanged for the AAA and AA rating segments. Malaysia's economy grew by 5.0% YoY in 4Q2024, higher than the official advance estimates of 4.8% released earlier. The 4Q2024 growth was supported by the strong expansion in investment activities, sustained household spending amid improved labor market conditions and policy support as well as continued growth in exports of goods and services. Full year GDP growth accelerated to 5.1%, sharply higher than 3.6% in 2023, due to continued expansion in domestic demand of +6.5% YoY (2023: +4.6% YoY) and a rebound in net exports to +2.2% YoY (2023: -16.2% YoY). Headline inflation held steady at 1.7% YoY in January 2025 (December 2024: 1.7%). Food & beverages and housing & utilities, which made up of 29.8% and 23.2% of the CPI basket respectively, rose at a slightly moderated pace at 2.8% and 2.5% as compared with 3.2% and 2.7% respectively in the previous month. Meanwhile, core inflation ticked up for the first time in 10 months to 1.8% YoY in January (December 2024: 1.6%). Exports in January 2025 recorded slower increase of 0.3% YoY from 16.9% YoY in December 2024. The slowdown in exports was broad based across key sectors and key export destinations. By sector, manufacturing exports rose 0.4% YoY (December: +18.5% YoY), agriculture exports softened to 11% YoY (December: +28.9% YoY) and mining shipments declined by -12.6% (December: -5.1% YoY). Broadly, exports to the US and Singapore continued to grow but at a slower pace whilst the exports to China turned negative after the brief rebound in December 2024. Additionally, imports rose at a slower pace of 6.2% YoY in January as compared to 11.9% in December, hampered by the fall in consumption goods imports.

Market Outlook

2024 GDP growth has turned out on the higher side of expectation at 5.1% for 2024 (2023: 3.6%), exceeding the government's initial forecast range of 4%-5% announced in Budget 2024. The positive growth momentum is expected to continue in 2025 driven largely by robust expansion investment activity, resilient household spending supported by upward revision of the minimum wage and civil servant salaries, as well as expansion in exports. The growth outlook remains subject to downside risks from the external developments and uncertainties arising from the US trade policy and tariff actions. Upcoming economic data releases in March include the Monetary Policy Committee meeting (6th March), Trade data (20th March), CPI (21st March) and BNM Annual Report 2024 (24th March) which will provide some key official economic guidance for the year. There are three auctions in March which are weighted on the longer end of the curve, i.e. the 15-year reopening of MGS4/39, 30-year reopening of MGII3/54 and the 10-year reopening MGII7/34. While we will see the first net supply of government securities turning negative in March with the large maturity of MGS 3/2025 of RM16.7 billion on 14th March, long duration supply will intensify from March onwards with nine out of 11 auctions between March to June are from 10-year to 30-year bucket. In February, the local government fixed income remained supported with marginal movements amid lower UST yields. The MGS curve yield curve shifted lower in the belly of the curve.

Fund Review & Strategy

The Fund returned -0.87% for the month, outperforming the benchmark return of -2.18% by 1.31%. Year-to-date, the Fund returned -5.59%, outperforming the benchmark return of -7.47% by 1.88%. The outperformance in February was due to the outperformance in the equity portion against its benchmark. As of February 2025, the Fund has 78.6% exposure in equities and 21.3% in sukuk.

Ekuiti Tinjauan Bulanan

Ekuiti Shariah Malaysia mengalami satu lagi lagi bulan pembedulan pada Februari. Pasaran serantau pada umumnya lemah, kecuali China dan Hong Kong yang memberikan prestasi positif, didorong oleh pelancaran Deepseek sebuah syarikat permulaan di China pada akhir Januari 2025 dengan saham yang berkaitan dengan perdagangan AI mencatat penjualan. Februari ialah bulan pelaporan keputusan, yang mana majoriti syarikat melaporkan pendapatan bagi setahun penuh 2024. Secara keseluruhan, syarikat perladangan, perbankan dan utiliti melaporkan pendapatan sama ada sejajar atau lebih tinggi. Manakala prestasi sektor pengguna, teknologi, sarung tangan dan minyak dan gas mendukacitakan. Pada bulan tersebut, pelabur asing menjadi penjual bersih ekuiti sekali lagi (bulan kelima berturut-turut) yang bernilai RM2.2 bilion, manakala aliran keluar asing setakat tahun ini sebanyak RM5.33 bilion. Indeks Syariah EMAS FBM menutup bulan pada 11,411.79, turun 2.77% bulan ke bulan (MoM). Indeks Syariah Bermodal Kecil FBM merosot 7.0% pada bulan ini, tidak mengatasi pencapaian Indeks Syariah EMAS FBM.

Gambaran Bulanan

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 28 February 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2025 melainkan jika dinyatakan

Hanya enam minggu memasuki penggal kedua, Presiden AS Trump meluru untuk memenuhi janji pilihan rayanya, dan gaya impulsifnya telah mengakibatkan ketidakpastian kepada pasaran global. Di sebalik ketidakpastian seputar pentadbiran Trump, kami percaya bahawa asas makro Malaysia kekal berdaya tahan. Dasar Trump mengenai pertumbuhan global dan perang perdagangan tarif balasan sudah pasti akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pelaburan langsung asing ("FDI") ke Malaysia terus kukuh, dibuktikan dengan peningkatan aktiviti pembinaan dan pemerolehan hartanah perindustrian oleh pelabur. Pelancongan juga semakin rancak, menyumbang secara positif kepada penggunaan umum. Selain itu, penggunaan mungkin mendapat rangsangan daripada kenaikan gaji penjawat awam pada Disember 2024 dan kenaikan gaji minimum 13% berkuat kuasa mulai 1 Februari 2025. Kami kekal berpandangan konstruktif ke atas Malaysia, kerana pasaran domestik dibanjiri dengan kecairan. Apa-apa pembetulan pasaran akan memberi peluang untuk mengumpul saham berasas kukuh pada penilaian yang lebih menarik. Namun begitu, kami menjangkakan volatiliti pasaran akan menjadi satu norma di bawah kepresidenan Trump, dan kita perlu terus berwaspada dan bersedia kepada perubahan mendadak.

Pendapatan Tetap Tinjauan Bulanan

Pasaran pendapatan tetap kerajaan tempatan terus disokong oleh pergerakan marginal di tengah-tengah paras hasil Perbendaharaan AS ("UST") yang rendah pada bulan Februari. Keluk hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") naik sedikit dengan keluk 3-tahun hingga 10-tahun bergerak lebih rendah sebanyak 1 hingga 3 mata asas, selain daripada keluk 20-tahun yang ditutup lebih tinggi sedikit iaitu sebanyak 1 mata asas. Sementara itu, MGS 15-tahun tidak berubah, manakala MGS 30-tahun diselaraskan lebih rendah sebanyak 1 mata asas. MGS 3-, 5-, 7-, 10-, 15-, 20- dan 30-tahun masing-masing ditutup pada 3.50% (-2 mata asas), 3.63% (-3 mata asas), 3.75% (-1 mata asas), 3.81% (-1 mata asas), 3.98% (0 mata asas), 4.07% (+1 mata asas) dan 4.20% (-1 mata asas), pada bulan Februari. Menyorot penilaian, 5-tahun dan 7-tahun kelihatan wajar berbanding bahagian lain dalam keluk dengan spread 72 mata asas dan 95 mata asas masing-masing yang lebih sempit berbanding spread minimum dalam tempoh 5-tahun yang lalu. Permintaan yang kukuh ke atas keluk bertempoh matang sederhana akan terus menekan spread agar kekal sempit memandangkan penawaran yang terhad tahun ini. Pada bulan tinjauan, spread kredit kebanyakan tenor segmen GG, AAA dan AA mengecil, kecuali tempoh yang lebih pendek terutamanya 3-tahun, apabila penarafan segmen AAA dan AA tidak berubah. Ekonomi Malaysia menumbuh sebanyak 5.0% YoY pada 4Q2024, lebih tinggi daripada anggaran awal rasmi sebanyak 4.8% yang dikeluarkan sebelum ini. Pertumbuhan 4Q2024 disokong oleh pengembangan aktiviti pelaburan yang kukuh, perbelanjaan isi rumah yang mampan dalam keadaan pasaran buruh yang bertambah baik di samping sokongan dasar serta pertumbuhan eksport barangan dan perkhidmatan yang berterusan. Pertumbuhan KDNK setahun penuh meningkat kepada 5.1%, secara mendadak lebih tinggi berbanding 3.6% pada 2023, berikutan pengembangan permintaan domestik berterusan sebanyak +6.5% YoY (2023: +4.6% YoY) dan lonjakan semula eksport bersih kepada +2.2% YoY (2023: -16.2% YoY). Inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.7% YoY di bulan Januari 2025 (Disember 2024: 1.7%). Makanan & minuman dan perumahan & utiliti, yang mana masing-masing terdiri daripada 29.8% dan 23.2% daripada kumpulan CPI, masing-masing meningkat pada kadar yang sederhana sedikit pada 2.8% dan 2.5% berbanding 3.2% dan 2.7% pada bulan sebelumnya. Sementara itu, inflasi teras meningkat buat kali pertama dalam tempoh 10 bulan kepada 1.8% YoY pada Januari (Disember 2024: 1.6%). Eksport pada Januari 2025 merekodkan peningkatan yang lebih perlahan sebanyak 0.3% YoY berbanding 16.9% YoY pada Disember 2024. Kelembapan sektor eksport secara meluas merentas sektor utama dan destinasi eksport utama. Meninjau sektor, eksport pembuatan meningkat 0.4% YoY (Disember: +18.5% YoY), eksport pertanian merosot kepada 11% YoY (Disember: +28.9% YoY) manakala penghantaran perlombongan merosot sebanyak -12.6% (Disember: -5.1% YoY). Secara amnya, eksport ke AS dan Singapura terus berkembang tetapi pada kadar yang lebih perlahan manakala eksport ke China bertukar negatif selepas lonjakan yang sekejap pada Disember 2024. Selain itu, import meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6.2% YoY pada Januari berbanding 11.9% pada Disember, dihalang oleh kejatuhan import barangan penggunaan.

Gambaran Bulanan

KDNK 2024 ternyata menumbuh tumbuh lebih tinggi dari jangkaan iaitu pada 5.1% bagi tahun 2024 (2023: 3.6%), melebihi julat unjuran awal kerajaan iaitu 4%-5% seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2024. Momentum pertumbuhan yang positif dijangka akan berterusan pada 2025, didorong sebahagian besarnya oleh aktiviti pengembangan pelaburan yang teguh, perbelanjaan isi rumah yang mampan berikutan pelarasan kenaikan gaji minimum dan peningkatan gaji penjawat awam serta pengembangan eksport. Tinjauan pertumbuhan kekal tertakluk kepada risiko penurunan lantaran perkembangan luaran dan ketidakpastian yang timbul daripada dasar perdagangan AS dan tindak tanduk tarif. Hebahan data ekonomi akan datang pada bulan Mac ini termasuk mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (6 Mac), Data Perdagangan (20 Mac), CPI (21 Mac) dan Laporan Tahunan BNM 2024 (24 Mac) yang akan memberikan beberapa panduan ekonomi rasmi yang penting bagi tahun tersebut. Terdapat tiga lelongan pada bulan Mac yang akan memberi kesan kepada keluk yang lebih panjang, iaitu pembukaan semula MGS4/39 15-tahun, pembukaan semula MGII3/54 30-tahun dan pembukaan semula MGII7/34 10-tahun. Walaupun kita akan melihat penawaran bersih pertama sekuriti kerajaan akan bertukar negatif pada Mac dengan kematangan MGS 3/2025 sebesar RM16.7 juta pada 14 Mac, penawaran jangka panjang akan meningkat mulai Mac dan seterusnya, dengan sebilangan daripada 11 lelongan antara Mac hingga Jun adalah daripada kelompok 10 tahun hingga 30 tahun. Pada bulan Februari, pendapatan tetap kerajaan tempatan terus disokong oleh pergerakan marginal di tengah-tengah kadar hasil UST yang lebih rendah. Keluk hasil MGS bertempoh sederhana beralih lebih rendah.

Tinjauan & Strategi Dana

Dana mencatat pulangan -0.87% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras sebanyak -2.18% dengan perbezaan 1.31%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana memperoleh pulangan -5.59%, mengatasi pulangan penanda aras sebanyak -7.47% dengan perbezaan 1.88%. Prestasi baik pada bulan Februari disebabkan oleh pencapaian memberangsangkan bahagian ekuiti berbanding penanda arasnya. Sehingga Februari 2025, Dana mempunyai 78.6% pendedahan dalam ekuiti dan 21.3% dalam sukuk.

Source / Sumber: Fund Commentary, February 2025, Eastspring Al-Wara' Investments Berhad and Principal Islamic Asset Management Sdn. Bhd.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 28 February 2025 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2025 melainkan jika dinyatakan

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL